

JANGAN JADI HAMBA TELEFON PINTAR

Oleh: Nursaerah binti Jamal, 1171744,

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 23 Ogos 2020



Pernahkah kita berhadapan dengan situasi yang menjengkelkan apabila semua orang yang duduk di meja makan yang sama tetapi masing-masing bukannya menghadap makanan yang terhidang sebaliknya ‘menadah tangan’ memicit-micit butang yang tersedia pada paparan telefon pintar?

Situasi ini berlaku di semua peringkat umur termasuk kanak-kanak sehingga golongan dewasa yang sepatutnya menunjukkan teladan yang baik di meja makan.

Melentur buluh biarlah dari rebungnya merupakan peribahasa yang sesuai bagi mengaitkan kelakuan ibu bapa yang seharusnya menjadi contoh untuk anak-anak yang masih kecil.

Hal ini kerana anak-anak melihat tingkah laku ibu bapa sejak kecil lagi contohnya dalam isu telefon bimbit.

Penggunaan telefon bimbit sepatutnya tidak ditunjukkan kepada anak-anak kerana akan mempengaruhi minda mereka.

Telefon bimbit boleh memberi impak negatif terhadap penggunaanya dan jika tidak dikawal akan menyebabkan berlakunya kelalaian dalam kehidupan seharian seorang Muslim seperti mengabaikan solat lima waktu.

Hal ini dapat dikaitkan dengan firman Allah yang bermaksud, “Dan kehidupan dunia ini, hanyalah permainan dan senda gurau, sedangkan negeri akhirat itu, sungguh lebih baik bagi orang-orang yang bertakwa. Tidakkah kamu mahu berfikir?” (Surah Al-An`am, ayat 32)



Kesan negatif paling besar dalam ketagihan telefon pintar ini adalah hubungan kekeluargaan akan menjadi renggang.

Kajian yang dilakukan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mendapati penggunaan gajet memberi kesan kepada hubungan kekeluargaan.

Masakan tidak kerana waktu terluang yang ada digunakan oleh anak-anak dan ibu bapa untuk melayari laman sosial masing-masing dengan menggunakan telefon pintar.

Selain itu, ketagihan terhadap telefon pintar juga boleh mengakibatkan kelekaan. Golongan remaja khususnya banyak menghabiskan masa dengan aplikasi sembang di alam maya.

Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2017 yang dijalankan oleh Institut Kajian Umum (IKU) Kementerian Kesihatan mendapati sebanyak 50.1 peratus pelajar sekolah

menengah berusia antara 13 hingga 17 tahun menghabiskan masa lebih tiga jam menonton televisyen dan bermain permainan di komputer.

Tinjauan itu juga mendapati sebanyak 85.6 peratus remaja adalah pengguna internet dan 29 peratus dalam kalangan mereka mengalami ketagihan internet.

Peralatan yang mereka gunakan untuk melayari internet adalah telefon pintar sebanyak 94 peratus, komputer 62 peratus dan peranti tablet 31 peratus.

Kesan berikutnya akibat ketagihan telefon pintar termasuk kita tidak dapat memberikan tumpuan terhadap sesuatu perkara.

Hal ini turut diakui seorang pakar psikoterapi, penulis dan pakar motivasi, Nancy Colier, menerusi bukunya *Inviting a Monkey to Tea: Befriending Your Mind and Discovering Lasting Contentment*.

Menurut beliau, dalam era digital ini, kita tidak lagi memberikan perhatian penuh kepada seorang individu sahaja.

Sekarang ini banyak masa dalam kehidupan kita dihabiskan dengan telefon pintar berbanding ahli keluarga.

Situasi tersebut perlu ditangani dengan bijak agar tidak memberi kesan negatif terhadap institusi kekeluargaan dalam jangka masa panjang.